

BUDAYA PENYAYANG DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT ISLAM: ANTARA TEORI DAN PRAKTIS

oleh

Siti Norlina bt Muhamad

Ahmad Kilani Mohamed

Zulkifli Haron

Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial,

Universiti Teknologi Malaysia,

Skudai, Johor.

Tel: 07-5535070

e-mail : norlina @ utm.my

Siti Aisyah Abdul Rahman

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Islam amat menekankan usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Dalam menjamin keharmonian masyarakat, beberapa ciri asas yang menjadi dasar pembentukan masyarakat perlu ditekankan. Islam mengaitkan pembentukan masyarakat penyayang dengan tiga hubungan dasar iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Hasrat untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan sebuah negara yang aman tidak akan tercapai melainkan dengan membentuk individu yang berteraskan Islam terlebih dahulu. Keperibadian yang mulia dan pegangan agama yang mantap adalah faktor penting dalam mewujudkan masyarakat penyayang. Walau bagaimanapun tahap kesedaran masyarakat terhadap konsep masyarakat penyayang masih rendah. Masalah penganiayaan kanak-kanak dan penderaan isteri masih menjadi isu serius yang diperkatakan oleh mediamassa dan masyarakat. Begitu juga dengan kes pengabaian terhadap orang-orang tua. Keadaan ini memerlukan perhatian serius dari setiap anggota masyarakat. Kertas kerja ini akan melihat isu-isu masyarakat penyayang dari perspektif Islam.

Pendahuluan

Kasih sayang merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Ia adalah suatu aktiviti mental yang rasional dan logikal. Setiap individu hendaklah mengendalikan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga tercapai matlamat kebahagiaan di dalam kehidupannya. Kebolehan dalam mencurahkan kasih sayang merupakan asas dalam pembinaan keluarga bahagia. Ini kerana setiap anggota keluarga mampu menunjukkan kasih sayang sesama mereka bagi mengeratkan hubungan.

Kasih sayang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Kesediaan mengambil berat, memberi perhatian, tolong-menolong, bertolak ansur dan menjaga kebajikan adalah antara ciri-ciri penting untuk melahirkan masyarakat dan keluarga yang harmoni. Kasih

sayang adalah antara sifat yang dituntut oleh Islam. Jika masyarakat kita kurang mengamalkan sikap penyayang bererti mereka tidak mengamalkan Islam secara keseluruhannya. Ini ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W dengan sabdanya yang bermaksud:

“ Demi diriku yang berada di tangan-Nya, kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak dinamakan beriman sehingga kamu berkasih sayang.”
Riwayat Ibnu Majah

Kasih sayang boleh dibina dalam jiwa setiap individu. Terdapat tiga elemen kasih sayang iaitu:

- i. Kasih dan sayang
- ii. Simpati iaitu dengan menunjukkan simpati kepada orang yang ditimpa kesusahan seperti menghulurkan bantuan kewangan dan sebagainya.
- iii. Menggunakan akal dalam membuat keputusan dan tidak menurut nafsu. Sebagai contohnya seorang bapa menghukum anaknya yang melakukan kesalahan hanya sebagai satu pengajaran bukannya untuk menyiksa atau mendera mereka

Masyarakat penyayang boleh diertikan sebagai kelompok masyarakat yang hidup dalam suasana saling menghormati, berbakti, memberi khidmat, menolong, berbuat jasa, menabur budi, melakukan kebajikan, menunjukkan rasa kasih dan belas kasihan, bertimbang rasa dan pemurah terhadap mereka yang memerlukan pertolongan dan bantuan. Cara hidup ini juga dikenali sebagai ‘budaya ikram’.

Sifat ‘ikram’ dikenali di dalam masyarakat Malaysia sebagai sifat suka menolong orang lain. Setiap anggota masyarakat sentiasa mengambil berat terhadap apa yang berlaku di sekitar mereka, peka terhadap apa yang berlaku kepada orang lain, menyayangi dan menghargai orang lain, membantu mereka yang teraniaya dan kurang bernasib baik serta merasa bertanggungjawab terhadap manusia lain.

Kesimpulannya masyarakat penyayang membawa maksud satu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai kematangan insan yang sempurna. Apabila sesuatu masyarakat itu digelar masyarakat penyayang, ia akan memberikan gambaran bahawa masyarakat tersebut memiliki ciri-ciri kesempurnaan dalam kehidupan majmuk seperti tahap keimanan dan ketakwaan yang tinggi, anggotanya hidup bersatu padu, tolong menolong, bina membina sehingga berjaya melahirkan suasana harmoni.

Islam Dan Masyarakat Penyayang

Islam telah menggariskan beberapa panduan untuk manusia bermasyarakat. Di dalam Islam konsep masyarakat penyayang dikaitkan dengan tiga hubungan iaitu:

- i. Hubungan erat manusia dengan Allah
- ii. Hubungan manusia sesama manusia
- iii. Hubungan manusia dengan alam sejagat

i. Hubungan erat manusia dengan Allah

Allah S.W.T telah mengingatkan manusia kecelakaan yang akan menimpa mereka sekiranya tidak dipelihara hubungan yang sebaik-baiknya antara manusia dengan Allah.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Mereka ditimpa kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali Allah (agama) dan tali (perjanjian) dengan manusia.” (Ali Imran, 3:112)

Walaupun ayat tersebut pada hakikatnya menceritakan tentang orang Yahudi tetapi pengajarannya adalah ditujukan untuk semua umat manusia. Implikasi dari terpisahnya hubungan antara manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia adalah sama walau bangsa apa sekalipun.

Kasih sayang Allah kepada makhluk adalah luar biasa dan di luar khayalan manusia. Allah S.W.T sentiasa memberikan pertolongan kepada para mukmin ketika mereka tidak berupaya menolong diri mereka sendiri. Dengan rahmat Allah juga manusia diletakkan pada kedudukan yang tinggi berbanding dengan makhluk lain. Manusia adalah makhluk ciptaan-Nya yang paling mulia dan dilantik sebagai khalifah untuk mentadbir bumi. Oleh itu dalam usaha mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, setiap individu mestilah memastikan ikatan dan hubungan dengan Allah tidak terputus.

ii. Hubungan manusia sesama manusia

Hubungan manusia dengan manusia adalah menjadi salah satu daripada ciri utama pembentukan masyarakat Islam yang ideal. Seorang muslim hendaklah memahami saranan Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Barangsiapa tidak berasa belas kasihan terhadap sesama manusia, Allah pasti tidak akan menaruh belas kasihan kepadanya.” Riwayat Al-Tirmizi

Manusia telah dijadikan Allah bersifat lemah sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“ Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah” (An-Nisa’ 4:28)

Kelemahan manusia adalah suatu realiti yang tidak dapat dinafikan. Walaupun kita dapati seorang individu itu mempunyai banyak kelebihan tetapi sudah pasti tersembunyi juga kelemahan pada dirinya. Apabila manusia menyedari hakikat kelemahan dan kekurangan ini, mereka hendaklah berusaha mengatasinya. Golongan lemah memerlukan pertolongan daripada yang kuat dan golongan yang kuat mestilah sentiasa bersedia menghulurkan bantuan. Inilah antara matlamat Islam dalam membentuk masyarakat yang ideal.

Islam juga telah meletakkan cinta dan kasih sayang sebagai sebahagian daripada iman. Ini dibuktikan oleh sabda Rasulullah S.A.W dalam memupuk persahabatan yang bermaksud:

“ Tidak beriman seseorang itu selagi dia tidak kasihkan saudaranya sebagaimana dia kasihkan dirinya sendiri.” (Riwayat Bukhari)

Seorang muslim itu juga dituntut mencurahkan kasih sayang kepada kelompok yang lebih luas, bukan hanya terbatas kepada keluarga, sahabat-handai dan kaum kerabat sahaja. Kasih sayang itu mestilah mencakupi seluruh umat manusia.

iii. Hubungan manusia dengan alam sejagat

Alam adalah anugerah Allah yang paling berharga bagi kehidupan manusia dan seluruh kehidupan di muka bumi ini. Pencemaran alam sekitar merupakan hasil pengabaian tauhid dan nafsu tamak manusia untuk menguasai alam. Mereka bersikap keterlaluan dalam mengeksploitasi sumber alam. Sebagai contohnya, penebangan hutan secara berlebihan, pengeluaran asap tebal dari kilang, pembaziran sumber dan sebagainya.

Islam telah menggariskan beberapa petunjuk dalam menjaga alam sekitar. Contohnya, Islam mengajar bahawa membuang duri dan halangan di jalan sebagai salah satu daripada cabang iman. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Telah ditunjukkan kepadaku amal perbuatan umatku, sama ada yang baik atau yang buruk. Aku dapati di antara amalan kebaikan ialah membuang halangan dari jalan dan di antara amalan buruk, membuang kotoran (hingus atau air liur) di masjid lalu tidak ditimbus.” (Riwayat Ibnu Majah)

Sekiranya membuang duri kecil merupakan satu tuntutan, maka sudah tentu membuang kotoran sisa toksid, asap, kotoran kilang dan lain-lain pencemaran lebih dituntut demi menjaga kesejahteraan awam.

Ziauddin Sardar dalam bukunya ‘ Masa Hadapan Islam’, merujuk masalah alam sekitar dengan salah satu prinsip syariah yang paling utama iaitu perisytiharan Nabi Muhammad S.A.W bahawa “ *tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerosakan.*” Ini bererti seseorang itu tidak boleh melakukan kemusnahan terhadap sesuatu benda atau membiarkan kepincangan berlaku tanpa usaha pencegahan.

Rasulullah S.A.W juga melarang umatnya daripada menganiayai binatang dan menyuruh mereka memastikan hak binatang dipenuhi. Pada zaman Saidina Umar r.a., beliau telah menjatuhkan hukuman takzir kepada seorang yang menyembelih binatang dengan menggunakan pisau yang kurang tajam. Ini menunjukkan Islam menghormati hak binatang.

Saintis barat suatu masa dulu menganggap alam ini sebagai musuh. Manusia perlu menguasainya walaupun terpaksa memusnahkan alam. Mengikut pandangan Islam pula, alam dianggap sebahagian daripada manusia. Oleh itu manusia perlu berkompromi dan menghormati apa yang ada di alam ini. Alam semesta ini dijadikan semata-mata untuk kegunaan manusia, bukan untuk disalahgunakan. Mereka mestilah menggunakan sumber alam ini mengikut jalan Tauhid, iaitu dengan mengelakkan pembaziran dan merasakan bahawa alam ini adalah amanah Allah kepada mereka.

Kesimpulannya, Islam amat menekankan usaha ke arah mewujudkan masyarakat penyayang agar masyarakat dapat hidup dalam suasana harmoni, aman dan damai. Sumber-sumber alam yang berharga seperti tanah, air dan sebagainya tidak boleh dimonopoli atau disalahgunakan. Ia mestilah diurus dengan bijak untuk kebaikan bersama kerana setiap individu mempunyai hak yang sama dalam menggunakan nikmat Allah. Hasil persamaan hak ini, hubungan antara

manusia sesama manusia akan menjadi bertambah kukuh. Islam juga menegaskan bahawa manusia perlu menghargai kehidupan dan tidak mengeksploitasi sumber alam sewenang-wenangnya kerana ia berkait rapat dengan sikap menghormati apa saja makhluk Allah terutama yang ada di sekitarnya.

Asas Pembentukan Masyarakat Penyayang

Membentuk sebuah masyarakat adalah sama seperti membina sebuah bangunan. Sekiranya dalam pembinaan bangunan, asasnya disiapkan terlebih dahulu, maka begitu jugalah dengan pembentukan masyarakat. Ia mestilah dimulakan dengan pembinaan asasnya.

Pembinaan masyarakat yang ideal memerlukan asas yang kukuh di mana ia mesti diserapkan ke dalam jiwa setiap individu. Asas-asas tersebut adalah seperti berikut:

- i. Akhlak sebagai asas pembentukan masyarakat penyayang
- ii. Membentuk peribadi muslim yang sebenar
- iii. Mempersaudarakan seluruh kaum muslimin
- iv. Menjalin persahabatan dengan orang bukan Islam
- v. Meletakkan asas keadilan sosial
- vi. Contoh teladan yang baik dari pemimpin negara

i. Akhlak sebagai asas pembentukan masyarakat penyayang

Akhlak merupakan asas terpenting dalam mewujudkan hubungan baik antara anggota masyarakat. Hubungan baik antara pemimpin dan pengikut hendaklah sentiasa wujud. Apabila akhlak runtuh akan hancurlah hubungan baik antara mereka dan masyarakat juga akan berpecah-belah. Memperbaiki akhlak umat adalah tugas utama Rasulullah S.A.W . Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah mengutusku untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak dan melengkapkan perbuatan yang baik.”(Riwayat al-Tirmizi)

Rasulullah S.A.W telah memulakan pembentukan masyarakat Islam dengan pembinaan budi pekerti yang mulia. Budi pekerti yang mulia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang mempunyai hati yang bersih, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, cinta kepada kebaikan dan membenci kejahatan.

Rasulullah S.A.W adalah contoh ideal dalam kesempurnaan akhlak. Segala tingkah lakunya menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh para sahabat dan kaum muslimin seluruhnya. Ini ditegaskan sendiri oleh Allah S.W.T dengan firman-Nya yang bermaksud:

“ Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang cukup mulia.”
(al-Qalam, 68:4)

Akhlak mulia yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang soleh menurut ajaran Islam.

ii. *Membentuk peribadi muslim yang sebenar*

Hasrat untuk mewujudkan suatu masyarakat yang adil dan sebuah negara yang aman makmur tidak akan tercapai melainkan dengan membentuk individu-individu yang berteraskan Islam terlebih dahulu. Pembentukan individu-individu muslim bertujuan untuk mengubah sikap kesukuan dan kebangsaan kepada manusia Islam yang sebenar. Dari ‘muslim’ mereka akan menjadi ‘mukmin’ yang akan menghayati seluruh ajaran Islam di samping berusaha supaya nilai-nilai Islam itu menjadi kenyataan di dalam kehidupan masyarakat manusia.

Mala petaka yang menimpa manusia hari ini adalah disebabkan terhakisnya peribadi individu yang sebenar dalam masyarakat. Dengan terhapusnya dasar-dasar Islam yang berperikemanusiaan dari kehidupan mereka, maka berlakulah penindasan, kezaliman dan kemiskinan. Oleh itu kekukuhan jiwa dan nilai agama sangat diperlukan untuk membolehkan rakyat mencapai satu tamadun yang tinggi. Kemajuan ini adalah seiring dengan nilai saling membantu, bersifat penyayang, peka antara satu sama lain dan bersedia membantu mereka yang susah.

Realitinya, umat Islam boleh mencapai tahap akhlak yang tinggi melalui kesedaran terhadap agama. Kesedaran ini pula mestilah meningkat naik setaraf dengan pencapaian kebendaan. Sekiranya tidak ada keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dengan peningkatan akhlak masyarakat, sesebuah negara itu tidak boleh dikira sebagai negara maju. Ini adalah kerana kemajuan negara berkait rapat dengan kemajuan pemikiran rakyatnya.

iii. *Mempersaudarakan seluruh kaum muslimin*

Persaudaraan penting kerana ia akan membawa kepada perpaduan. Perpaduan ini pula akan membawa kepada ketahanan negara. Persaudaraan yang dimaksudkan di sini bukan sahaja dari segi lahiriah tetapi juga dengan perasaan yang benar-benar jujur dan ikhlas. Seseorang individu itu akan mengasihi saudara seagama sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri. Perasaan inilah yang ditanam oleh Rasulullah S.A.W di hati orang Islam bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan berkasih sayang antara satu sama lain. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“ Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.” (al-Hujurat , 49 :10)

Di dalam sejarah umat Islam ada beberapa kisah menarik tentang persaudaraan yang sejati di kalangan umat Islam. Ada riwayat yang menceritakan bahawa terdapat seorang Ansar yang bukan hanya sanggup menghadiahkan sebahagian dari hartanya kepada saudara semuslim dari golongan Muhajirin tetapi juga sanggup menceraikan salah seorang dari isteri-isterinya untuk dikahwini oleh saudara Muhajirin tersebut. Sebenarnya tingkat persaudaraan yang sebegini erat, kadang-kadang sukar difahami oleh manusia pada masa sekarang.

iv. *Menjalinkan persahabatan dengan orang bukan Islam*

Selain dari mengeratkan tali persaudaraan di kalangan kaum muslimin, Islam juga menganjurkan agar mereka menjalinkan persahabatan dengan orang-orang bukan Islam. Untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang stabil, keseimbangan antara dua hubungan ini perlu dititikberatkan.

Profesor Dr Hassan Ibrahim Hassan mengatakan bahawa pada zaman Rasulullah S.A.W, orang-orang Yahudi diberikan persamaan hak dengan kaum Muslimin dalam menggunakan kemudahan awam dan hak-hak lain sebagai warganegara. Mereka bebas mengamalkan ajaran agama mereka selagi tidak mengganggu kemaslahatan umum dan masyarakat Islam.

Islam menetapkan ketentuan hukum yang adil dan benar di mana permusuhan terhadap orang bukan Islam hanya boleh dilakukan dalam keadaan perang atau ketika mereka menyerang kaum muslimin. Islam juga membolehkan kaum muslimin memakan sembelihan ahlu kitab (kecuali jenis makanan yang diharamkan) dan menjalinkan persahabatan dengan mereka. Keizinan ini merupakan tawaran terhormat untuk hidup berdampingan secara damai antara kaum muslimin dan orang-orang bukan Islam yang hidup di tengah masyarakat Islam. Ianya terbentuk atas dasar prinsip yang sihat seperti saling berkasih sayang, hormat menghormati, menjaga hubungan baik dengan jiran tetangga dan lain-lain kebajikan.

Sikap sukakan keamanan, perdamaian dan bersedia menerima orang lain dalam masyarakat mereka merupakan tanda-tanda dan cara berfikir orang-orang yang dinaungi dan dicintai Allah S.W.T.

v. ***Meletakkan asas keadilan sosial***

Umat Islam bertanggungjawab menegakkan keadilan dalam melaksanakan amanat Allah tanpa sebarang sentimen dan kecenderungan kepada mana-mana pihak. Tujuan mereka adalah semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Ini ditegaskan oleh firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“ Dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia hendaklah kamu menghukum dengan adil ” (an-Nisa’ : 58)

Keadilan mesti ditegakkan walaupun orang yang akan diadili itu adalah orang-orang yang berlainan agama. Abu al-Hassan ‘Ali An-Nadwy (Apakah Kerugian Dunia Akibat Kemosotan Kaum Muslimin) menceritakan:

“ Kami telah diberitahu oleh beberapa orang tuan guru bahawa pernah terjadi perebutan sebidang tanah antara sekumpulan orang Hindu dan orang Islam di sebuah perkampungan di India. Orang-orang Hindu mendakwa tanah itu tempat untuk mereka mendirikan candi sedangkan orang-orang muslimin mendakwa tanah itu tempat untuk mereka mendirikan masjid.

Akhirnya kedua belah pihak mengemukakan perkara itu kepada penguasa daerah yang berketurunan Inggeris. Penguasa Inggeris itu telah bertanya, “ Apakah di daerah ini ada seorang muslim yang dapat dipercayai kejujurannya? Saya akan memberi keputusan berdasarkan pendapatnya.” Mereka lalu membawa seorang Syeikh dari kalangan ulama Islam yang terkenal. Dalam perbincaraan tersebut Syeikh itu telah berkata, “ Dalam hal ini kebenaran ada pada orang-orang Hindu. Tanah itu milik mereka.”

Walaupun dari jawapan Syeikh itu kaum muslimin telah tewas dalam perbincaraan tetapi di sebalik kegagalan tersebut mereka mendapat kemenangan kerana tertegaknya kebenaran dan keadilan.

vi. Contoh teladan yang baik dari pemimpin negara

Salah satu faktor penting dalam pembinaan masyarakat penyayang ialah contoh teladan yang baik daripada pemimpin masyarakat. Rakyat akan mencontohi perbuatan dan tindakan pemimpin-pemimpin mereka.

Apabila seseorang pemimpin mengutarakan konsep yang baik, rakyat akan mendengar dan menelitinya. Sekiranya saranan itu dipraktikkan oleh pemimpin itu sendiri, maka rakyat akan terus mengamalkannya.

Faktor keperibadian yang luhur pada diri Rasulullah S.A.W mendorong bangsa Arab yang terkenal dengan sifat kasar, menganut agama Islam. Keperibadian Baginda S.A.W merupakan senjata efektif dalam proses Islamisasi masyarakat Arab sehingga berjaya melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Melalui keenam-enam asas inilah terbentuk sebuah masyarakat yang kuat dan padu, masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada ajaran Islam dan arahan Allah. Masyarakat seperti inilah yang berjaya menegakkan kebenaran dan menjunjung tinggi undang-undang Allah.

Ciri-Ciri Masyarakat Penyayang

Setiap individu yang mendalami ajaran agamanya, akan sentiasa bertoleransi dengan menjadikan dirinya sebagai sumber kasih sayang. Ini kerana dia menyedari bahawa kasih sayang seorang manusia di muka bumi menjadi punca turunnya rahmat Allah. Rasulullah S.A.W menegaskan hal ini dengan sabdanya yang bermaksud:

“Hendaklah kamu menyayangi makhluk di bumi nescaya segala apa yang ada di langit turut menyayangimu.” (Riwayat al-Tirmizi)

Perasaan kasih sayang adalah bersifat menyeluruh. Ia merupakan bekal bagi setiap individu untuk hidup bermasyarakat agar mereka saling mengasihi, bersahabat dengan penuh kasih sayang, menasihati secara ikhlas dan berlemah lembut dalam pergaulan.

Masyarakat Islam yang sebenar ialah masyarakat yang menyediakan keharmonian dan keadilan kepada semua kaum, bangsa dan umat manusia. Jaminan sosial dalam Islam jauh berbeza dan lebih baik daripada apa yang mampu diberikan oleh demokrasi ciptaan Barat. Negara-negara dunia yang mengamalkan sistem demokrasi Barat telah tidak dapat lagi membendung penindasan, kezaliman dan penyalahgunaan kuasa.

Sesuatu masyarakat itu akan dikenali sebagai masyarakat penyayang apabila kaedah integrasi setiap individu berdasarkan ciri-ciri berikut:

i. Tauhidullah

Tauhidullah membawa maksud konsep keEsaan Allah, kesatuan penciptaan makhluk, kesatuan kebenaran dan ilmu, kesatuan kehidupan dan kesatuan kemanusiaan. Iman adalah dasar perubahan pada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Menurut Imam Hassan al-Banna, mengenal Allah merupakan kekuatan yang memimpin perubahan dan yang

mengubah manusia dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

“ Wahai orang-orang yang beriman, sahutlah seruan Allah dan Rasul-Nya apabila dia (Rasul) menyeru kamu kepada sesuatu yang memberi kehidupan bagimu.” (al-Anfal, 8:24)

Syeikh Muhammad Abdullah al-Katib pula menjelaskan bahawa imanlah yang menghasilkan amalan soleh. Perbuatan baik yang dilakukan oleh setiap anggota masyarakat muslim ini akan membawa kebaikan kepada seluruh umat manusia. Di dalam Islam kekuasaan tertinggi hanya pada Allah S.W.T. Setiap manusia mestilah menjadikan hukum Allah sebagai panduan hidup mereka.

ii. Ukhuwwah Islamiyyah

Ukhuwwah Islamiyah ialah kesatuan hati, fikiran, perasaan dan jiwa setiap individu yang beriman dengan satu aqidah. Menjalin persaudaraan Islam adalah satu ciri yang patut dipupuk dalam masyarakat Islam. Masyarakat Islam yang sempurna hanya dapat wujud setelah berjaya mempersatukan tenaga, fikiran dan hati anggota masyarakatnya.

Persaudaraan Islam merupakan ikatan iman yang kuat sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“ Ikatan iman yang paling kuat ialah kasih sayang kerana Allah dan marah kerana Allah.” (Riwayat Imam Ahmad)

Persaudaraan Islam merupakan tanggungjawab masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Hak seorang muslim terhadap seorang muslim 6 perkara: Apabila engkau bertemu dengannya hendaklah engkau memberi salam. Apabila beliau menasihatiimu, hendaklah engkau menasihatinya. Apabila beliau bersin dan menyebut (Alhamdulillah) hendaklah engkau menyebut (Yarhamkallah). Apabila beliau sakit hendaklah engkau menziarahinya dan apabila beliau meninggal dunia hendaklah engkau mengiringi jenazahnya.” (Riwayat Muslim)

Untuk menjamin kesempurnaan persaudaraan, setiap muslim perlu melaksanakan 6 perkara yang disebut dalam Hadis di atas.

Persaudaraan Islam ini juga dapat membentuk rasa kasih sayang, kemesraan dan saling bantu membantu. Apabila perasaan ini bersehati dalam jiwa umat Islam, masyarakat Islam akan menjadi lebih sempurna dan kukuh serta dapat menyumbangkan pembangunan aqidah dan syariah dari semasa ke semasa.

iii. Musawah-Konsep Persamaan Taraf

Konsep persamaan yang dimaksudkan di sini ialah persamaan taraf di sisi Allah S.W.T. Islam mengiktiraf bahawa perbezaan tetap wujud dalam soal kemampuan, potensi, kekayaan dan sebagainya. Tetapi perbezaan ini tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan tinggi rendahnya darjat manusia. Di sisi Allah manusia hanya berbeza dari segi ketakwaannya kepada Allah sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa di antara kamu.” (al-Hujurat, 49:13)

Sejarah membuktikan bahawa di zaman kegemilangan Islam, masyarakat muslim telah berjaya mewujudkan prinsip persamaan darjat yang sebenar. Setiap anggota masyarakat berasa bahagia, mengecapi kenikmatan hidup dan memahami konsep kemanusiaan dengan jelas.

Semasa Rasulullah S.A.W masih hidup, seorang yang bernama Salman al-Farisi (berbangsa Farsi), Suhaib al-Rumiy (berbangsa Rumawi) dan Bilal bin Rabah al-Habasyi (berbangsa Negro dari Ethiopia) hidup bersama dalam satu lingkungan dengan Abu Bakar al-Siddiq al-Quraisy (dari kabilah Quraisy). Mereka yang asalnya berlainan darjat keturunan dapat disatukan oleh Islam. Atas dasar persahabatan kerana Allah, Rasulullah S.A.W berjaya mewujudkan satu jalinan persahabatan yang teguh antara mereka.

Konsep persamaan dalam Islam ini merupakan hasil dari keimanan yang mantap di jiwa umat Islam. Walau pun manusia hidup dalam pelbagai bangsa atau golongan, mereka sebenarnya berasal dari satu keturunan iaitu Adam dan Hawa.

Apabila konsep ini difahami dengan jelas, tidak akan wujud ketidakadilan dan kekacauan di dalam masyarakat. Konsep bangsa pilihan (seperti penilaian bangsa Yahudi) dan konsep masyarakat yang tidak berbangsa akan terhapus bila konsep persamaan ini dapat diterapkan dalam masyarakat.

iv. Bermesyuarat

Salah satu daripada ciri-ciri keperibadian Islam ialah sentiasa bermesyuarat. Bermesyuarat ialah berunding untuk mencapai sesuatu keputusan. Allah S.W.T sendiri menyifatkan masyarakat Islam sebagai masyarakat yang banyak berbincang sesama mereka dalam menentukan perkara-perkara yang penting. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“ Sedangkan urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka.”
(al-Syura,42:38)

Rasulullah S.A.W menyifatkan permesyuaratan sebagai satu langkah yang bijak yang boleh mengelakkan penyesalan. Baginda S.A.W sentiasa berbincang dengan para sahabatnya baik semasa menghadapi kesusahan mahupun kesenangan. Ini diperintahkan sendiri oleh Allah S.W.T kepada Baginda S.A.W sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“ Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam setiap urusan.”
(ali-Imran, 3: 159)

Seorang muslim yang sebenar tidak akan jemu berbincang dalam menghadapi masalah besar. Dalam mengadakan mesyuarat seseorang itu tidak boleh bersikap pilih kasih kerana pandangan yang bernas itu dapat diperolehi dari semua golongan. Oleh itu permesyuaratan adalah satu sifat yang menjadi lambang kepada perpaduan masyarakat Islam dan keunggulan peribadi individunya.

v. *Al-Ta'awun (Tolong-menolong)*

Al-Taawun adalah bertolong-menolong dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Masyarakat Islam diasaskan dengan landasan yang kuat iaitu saling tolong-menolong di antara satu sama lain. Setiap individu berasa bertanggungjawab membantu golongan yang lemah. Kaedah ini jelas tergambar dalam peraturan-peraturan seperti pungutan zakat, konsep berdakwah dan sebagainya.

Budaya tolong menolong ini perlu wujud di setiap peringkat berikut:

i. Menolong diri sendiri

Manusia berkewajipan menolong dirinya sendiri. Seorang individu tidak boleh menyerahkan tugas ini kepada orang lain atau bertawakkal kepada Allah semata-mata. Pergantungan yang keterlaluan kepada orang lain merupakan satu kelemahan kerana setiap individu mesti berusaha mengikut kemampuan dirinya. Walau bagaimanapun di samping menolong diri sendiri, mereka juga mestilah memberikan pertolongan kepada orang lain.

ii. Menolong keluarga

Setiap individu juga bertanggungjawab menolong ahli keluarga terutamanya terhadap ibubapa, suami isteri dan anak-anaknya. Mereka mestilah memastikan keperluan asasi keluarga dan curahan kasih sayang yang cukup terhadap anggota keluarga yang berada di bawah jagaannya. Ini merupakan amanah Allah kepada setiap manusia dalam menjalani kehidupan seharian.

iii. Menolong masyarakat

Perhubungan yang erat sesama jiran sangat penting dan amat ditekankan oleh kebanyakan masyarakat dan agama. Pengalaman menolong di dalam konteks kejiwaan dapat melatih individu untuk menolong di dalam konteks yang lebih luas seperti di peringkat negara dan antarabangsa.

Islam megalakkan amalan tolong menolong walaupun terhadap mereka yang tidak seagama. Walau bagaimanapun terdapat juga individu ekstrim yang menggunakan agama sebagai dasar untuk tidak menolong. Bagi menjamin kestabilan dan keamanan sesebuah masyarakat, sikap seperti ini mestilah dikikis kerana ia akan menyekat lahirnya satu masyarakat yang berbudaya penyayang.

iv. Menolong semua makhluk Allah

Pertolongan di peringkat ini perlu dipupuk di dalam masyarakat kerana ia merupakan suatu tuntutan agama. Pertolongan perlu diberikan berasaskan hakikat bahawa segala yang ada di langit dan di bumi adalah ciptaan Allah yang perlu dilindungi dan dipelihara. Sifat kasih sayang yang diajarkan oleh Islam bukan terbatas kepada manusia sahaja tetapi juga terhadap haiwan dan tumbuhan.

vi. *Bertoleransi*

Bertoleransi ialah bersikap tolak ansur dalam pergaulan seharian. Toleransi merupakan salah satu dari ciri kemurnian Islam. Bertoleransi ialah sikap tolak ansur dalam menjaga martabat

Islam. Konsep toleransi orang Islam kepada orang bukan Islam adalah hasil daripada idea yang disemai oleh agama Islam. Antaranya:

- a. Setiap muslim mengakui kemuliaan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

“ Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak Adam.”
(al-Isra’, 17:70)

- b. Setiap muslim mempercayai bahawa kebebasan beragama adalah kehendak Allah semata-mata. Firman Allah yang bermaksud:

“ Maka sesiapa yang mahu beriman hendaklah dia beriman dan sesiapa yang mahu kufur biarlah dia mengingkarinya.” (al-Kahfi, 18:29)

Oleh itu mereka tidak boleh memaksa manusia seluruhnya menjadi orang-orang Islam.

- c. Setiap muslim tidak boleh menghina orang kafir kerana kekafiran mereka atau menyiksa orang sesat kerana kesesatan mereka. Urusan ini hanya terserah kepada Allah di hari akhirat nanti. Firman Allah yang bermaksud:

“ Dan jika mereka mengemukakan bantahan kepadamu, maka katakanlah: Allah amat mengetahui apa yang kamu lakukan. Allah akan menghukum di antara kamu semua pada hari kiamat mengenai apa yang kamu berselisih padanya.” (al-Haj,22:68-69)

- d. Allah menyuruh seorang muslim agar bersikap adil dan membenci walaupun kezaliman itu dari seorang muslim. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa sahaja) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa.” (al-Maidah,5:8)

e. Berlumba-lumba melakukan kebaikan

Salah satu ciri yang tidak kurang pentingnya dalam melahirkan masyarakat penyayang ialah anggota masyarakatnya berlumba-lumba dalam mencurahkan khidmat bakti kepada orang lain. Tanpa mengira darjat keturunan dan bangsa setiap individu sentiasa bersedia membantu golongan yang kurang bernasib baik. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Hendaklah kamu saling memberikan bimbingan, mudah-mudahan kamu akan saling cinta menyintai.” (Riwayat Imam Malik)

Apabila setiap individu berasa bertanggungjawab dalam memenuhi keperluan rakan, jiran atau individu lain yang menghadapi kesukaran, bererti mereka telah merealisasikan konsep penyayang dalam dirinya.

vii. Jihad dan bersatu

Menurut Ibnu Taimiyah, jihad ialah berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan sesuatu yang diredhai Allah dalam bentuk keimanan, amal soleh dan menolak sesuatu yang dimurkai Allah iaitu kekufuran, kefasikan dan kedurhakaan.

Perjuangan atau jihad adalah satu istilah yang mempunyai erti yang sangat luas. Ianya bermula dari perjuangan bersenjata melawan serangan musuh untuk membela tanahair, umat dan agama Allah, menjaga barisan pertahanan dan sempadan negeri sehinggalah kepada perjuangan melawan hawa nafsu dan hasutan syaitan. Semua ini merupakan medan perjuangan di jalan Allah.

Sesebuah negara tidak akan dapat lari dari menghadapi ancaman musuh yang ingin menguasai sumber kekuatan manusia dan sumber alamnya. Oleh itu rakyat berkewajipan untuk terus bersatu dan berwaspada dengan mengukuhkan pertahanan mereka dan bertolong menolong mencegah ancaman pencerobohan.

Perjuangan di jalan Allah adalah untuk memperbaiki kehidupan di muka bumi, memperkukuhkan kebajikan, mematahkan anasir-anasir jahat dan melawan tipu muslihat musuh-musuh Allah. Islam menganggap peperangan sebagai tindakan darurat yang terpaksa dihadapi untuk melawan kezaliman. Ianya berlainan dengan matlamat peperangan yang berlaku pada masa ini. Masing-masing berperang untuk menegakkan kezaliman, menjajah dan menguasai negara lain untuk merebut kuasa semata-mata.

Isu-Isu Penghakisan Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam Kini

Apabila ditinjau situasi masyarakat Islam hari ini didapati banyak kes-kes yang menunjukkan betapa rendahnya penghayatan terhadap konsep penyayang di kalangan mereka. Walaupun ajaran Islam amat menekankan budaya penyayang dalam kehidupan individu, keluarga dan masyarakat, tetapi realitinya, beberapa kes jenayah dan ketidak prihatinan masyarakat terhadap budaya penyayang semakin terserlah. Antara bentuk-bentuk kes jenayah yang menunjukkan pupusnya budaya penyayang dalam masyarakat adalah seperti berikut:

- **Penderaan isteri**

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, penyebab utama berlakunya keganasan terhadap wanita di negara ini ialah cemburu, curang, ketagihan arak, poligami, masalah kewangan, masalah mengenai anak dan judi. Fakta ini diperolehi menerusi kajian yang dijalankan oleh kementerian tersebut dengan kerjasama ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (**Berita Harian 17 Jun 2004**).

Statistik Januari 2004 yang dikeluarkan oleh Unit Kaunseling Jabatan Agama Johor, menyatakan sebanyak 6 kes penderaan isteri, 10 kes tidak memberi nafkah kepada keluarga dan 97 kes suami atau isteri tidak menjalankan tanggungjawab di laporkan berlaku di Johor. Ini menunjukkan tahap kepekaan individu dalam mewujudkan suasana penyayang dalam keluarga mereka semakin terhakis.

- **Penganiayaan anak-anak**

- i. Sumbang Mahram*

Sumbang mahram berlaku apabila manusia tidak menggunakan akal dan mengikut kehendak hawa nafsu semata-mata. Ini merupakan kesan daripada hilangnya perasaan kasih sayang sejati berasaskan hubungan kekeluargaan.

Media kerap menyiarkan kegiatan sumbang mahram antara bapa dan anak perempuan, bapa saudara dan anak saudara, adik beradik, datuk dan cucu dan beberapa kes lain yang menunjukkan betapa rosaknya akhlak masyarakat dewasa ini. Menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 14 September 2002, kes sumbang mahram (1997-2002) di Selangor ialah 195 kes, Johor 191 kes dan Sabah 171 kes. Kadar peningkatan gejala sumbang mahram di negara ini ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Statistik Sumbang Mahram yang Melibatkan Kaum Lelaki di Malaysia

Kes Sumbang Mahram Mengikut Persaudaraan	1992	1993	1994	2001
Bapa	42	35	49	303
Bapa tiri	18	25	50	190
Abang ipar	14	14	22	-
Bapa Saudara	13	18	31	178
Abang	-	6	9	68
Datuk	1	4	8	25
Datuk tiri	3	1	-	6
Abang tiri	3	2	2	20
Anak saudara	2	1	-	33
Datuk saudara	2	1	-	18
Anak	-	-	1	-
Adik	-	-	1	4
Bapa angkat	-	-	-	35
Bapa mentua	-	-	-	4

(Sumber: Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur)

ii. Penderaan fizikal dan mental

Penderaan fizikal dan mental juga sering berlaku kepada kanak-kanak di negara ini. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menunjukkan bagi tempoh 1989 hingga 1993 terdapat sebanyak 3693 kes penderaan kanak-kanak (Sabhita dan Mahmood, 1995). Manakala pada awal tahun 1997 jumlah kes penderaan kanak-kanak ialah 2940 kes dan pada akhir tahun itu ialah 3245 kes (Perangkaan Kebajikan, 1997). Nyatalah bagi tempoh tersebut sejumlah 1149 kes baru telah disenaraikan. Ini jelas menunjukkan bahawa masih ramai kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun di negara ini didera walaupun negara sudah mempunyai peruntukan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.

iii. Jenayah rogol dan bunuh

Kepupusan perasaan kasih sayang dalam masyarakat begitu ketara dengan berlakunya kes rogol bunuh melibatkan kanak-kanak yang masih kecil. Berikut adalah 7 kes rogol dan bunuh pelajar sekolah dari tahun 1997-2004 di seluruh negara:

➤ **30 Ogos 1997 (Langkawi)** : Murid tahun satu Nor Shawani Dahlan dirogol dan dibunuh.

➤ **18 Mei 1999 (Kuala Lumpur)** : Pelajar 17 tahun Audrey Mellisa Bathinathan dirogol dan dicekik mati.

- **22 Oktober 2000 (Selayang)** : Kanak-kanak 6 tahun Norshuhada Burak diperkosa dan di bunuh oleh jirannya.
- **14 Feb 2001 (Tapah)** : Pelajar 17 tahun Farah Deebea ditemui mati dalam longkang besar 5 km dari sekolahnya selepas dirogol.
- **3 Julai 2001 (Jasin)** : Pelajar 16 tahun Nurul Hanis Kamil mati selepas dirogol. Mayatnya masih berpakaian sekolah dijumpai di kawasan semak 150 meter dari rumahnya.
- **24 Julai 2001 (Kluang)** : Polis menembak mati seorang anggota rela yang disyaki merompak dan merogol pelajar 18 tahun.
- **8 Januari 2004 (Kota Kinabalu)** : Murid 10 tahun Harirawati Saridi dirogol dan dibunuh di kawaan semak dalam perjalanan ke sekolah.
- **17 Januari 2004 (Gelang Patah, Johor)** : Murid 10 tahun Nurul Huda bt Abd Ghani, dirogol, diliwat dan dibunuh oleh seorang pengawal keselamatan TNB berhampiran rumahnya semasa pulang dari kedai.

- **Penderaan pembantu rumah**

Manusia yang kekurangan kasih sayang dan perhatian akan menjadi ganas dan tidak berperikemanusiaan. Kebanyakan kes penderaan pembantu rumah yang mencederakan fizikal dilakukan oleh majikan yang bukan seagama. Misalnya, kejadian malang yang menimpa pembantu rumah warga Indonesia, Nirmala Bonat yang cedera teruk seluruh badan akibat ditekap dengan seterika panas sehingga melecur, berkudis dan bernanah oleh majikannya. Kejadian ini menggambarkan bahawa hilangnya sifat kemanusiaan dan belas ihsan sesama insan yang saling memerlukan. Memang tidak diduga pada zaman moden dan bertamadun ini masih ada manusia hilang perasaan timbang rasa serta sanggup melakukan perbuatan kejam sesama insan. Perkembangan ini memperlihatkan betapa wujud konflik jiwa dalam masyarakat kita hari ini sehingga sanggup melakukan sesuatu di luar batasan nilai kemanusiaan.

- **Penempatan ibubapa di rumah orang-orang tua**

Ada juga di kalangan anak-anak yang sanggup menghantar ibu bapa mereka yang telah lanjut usia ke Rumah Orang-Orang Tua. Alasan mereka, di sana ibubapa mendapat jagaan yang sempurna sedangkan mereka sibuk bekerja dan tidak mempunyai banyak masa untuk menguruskan ibu bapa mereka. Tanpa mengambil kira perasaan ibubapa yang kesunyian kerana tiada perhatian anak cucu, mereka melepaskan tanggungjawab tersebut sepenuhnya kepada kakitangan Rumah Orang-Orang Tua.

- **Hubungan negatif orang Islam dan bukan Islam**

Hubungan antara negara-negara Barat dan dunia Islam menjadi semakin tegang sejak terjadinya serangan teroris 11 September 2001 yang lalu. Serangan ke atas *World Trade Center* dan respon militer Amerika Syarikat telah mewujudkan sikap saling tidak percaya dan bahkan ketakutan bersama. Kebanyakan masyarakat Eropah melihat masyarakat muslim sebagai pengganas yang sering membuat kekacauan dalam masyarakat.

Gambaran yang diberikan tentang tertutupnya pemikiran orang Islam dan terpicilnya cara berfikir mereka dari dunia global dan industri serta teknologi yang penuh cabaran ini sering menolak masyarakat Islam ke belakang, jauh dari kemajuan dan keterampilan masyarakat dunia lain yang berlumba-lumba mengejar tempatnya di dunia ini. Tekanan-tekanan ini menjadikan umat Islam terpaksa bersikap agresif dan bertindak balas.

Walau bagaimanapun sebaliknya, tindak balas ini dipergunakan oleh media antarabangsa untuk memprojekkan Islam dan umatnya dalam gambaran yang amat negatif dan buruk. Gambaran negatif ini akhirnya tersebar dengan meluasnya melalui media elektronik Barat dan Timur yang memusuhi dunia Islam, iaitu dengan membawa gambaran-gambaran keganasan, kemiskinan, kemunduran ekonomi dan ilmu di kalangan masyarakat Islam seluruhnya. Tindakan ini telah memberi gambaran kepada seluruh masyarakat dunia bahawa orang Islam adalah orang yang ganas dan militan, malah agama Islam adalah agama yang ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan zaman moden. Persepsi negatif ini dilontarkan tanpa mengkaji dengan mendalam punca umat Islam menjadi radikal dan ganas adalah kesan dari penjajahan mental, fizikal, ekonomi dan politik oleh pihak Barat sendiri yang bertindak menindas umat Islam.

Peristiwa pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq juga merupakan satu kezaliman yang dilakukan oleh Barat untuk menghancurkan masyarakat Islam. Begitu juga dengan pencerobohan Israel ke atas Palestin sejak 1948. Tentera zionis ini telah membunuh ribuan umat Islam Palestin termasuklah pemimpin Hamas di mana antaranya ialah Abdel Aziz Rantisi yang mati dibunuh pada 18 April 2004 yang lalu.

- **Pengabaian terhadap anak yatim dan fakir miskin**

Perhatian yang khusus dan berterusan perlu dilakukan oleh semua pihak terhadap anak-anak yatim dan fakir miskin yang amat memerlukan pembelaan mereka. Kehidupan golongan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Melalui peranan yang dimainkan oleh rumah-rumah kebajikan dan badan-badan sosial, kehidupan golongan ini akan terbela. Walau bagaimanapun tugas ini tidak boleh diserahkan kepada institusi-institusi ini sahaja. Masyarakat juga harus bersama menggembleng tenaga dengan memberi sumbangan dan sokongan moral dalam membantu menangani permasalahan mereka.

Kesimpulan

Catatan sejarah membuktikan bahawa kehancuran tamadun Mesir, Greek, Rome dan Parsi adalah berpunca dari kegagalan menanamkan nilai-nilai murni kepada generasi penyambung. Sejarah pasti akan berulang. Oleh itu setiap individu mesti memastikan pelaksanaan pendidikan kini berjaya melahirkan insan luhur yang mempunyai pegangan hidup yang mantap, murni dan bersepadu.

Kebanyakan manusia suka menghitung kepentingan diri sendiri sebelum meninjau kepentingan orang lain. Kebiasaan sebeginilah yang menjadikan seseorang itu tidak berlaku adil terhadap orang lain. Kita meminta orang lain memenuhi keperluan kita tetapi kita enggan memberi sesuatu untuk menyempurnakan kepentingan mereka. Bagi merealisasikan konsep masyarakat penyayang, sikap sebegini perlu diubah. Keseimbangan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat sekitar hendaklah dipraktikkan dalam kegiatan hidup seharian.

Sekiranya sesebuah masyarakat itu berjaya mempraktikkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian mereka, sudah tentu negara akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang berbudaya penyayang.

Rujukan

Mat Saat Baki (Dr.), (1987).Cinta Dan Kasih Sayang – Siri Keluarga Bahagia.Cet.1, Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara(LPPKN)

Salahuddin al-Munjid (1988). Masyarakat Islam Di Bawah Naungan Keadilan. Cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar

Wan Halim Othman (Dr.) (1992), Ke Arah Peningkatan Budaya Ikram Di Dalam Masyarakat Malaysia. Cet.1. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar Malaysia (IKD).

Sayyid Qutb, Masyarakat Islam. H.A.Mu'thi Nurdin S.H (pentry) (1978). Bandung: Yayasan al-Taufiq dan PT al-Maarif.

Said Haji Ibrahim, (1980). Asas Kekeluargaan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Penerbitan Knight

Abdul 'Aziz Kamil (Dr), (1980). Ma'a al-Rasul wa al-Mujtama' Fi Istiqbal al-Qarn al-Hijr al-Khamis 'Asyar. Kuwait : Muassasah al-Sabah

Al-Hasyimi, Muhammad 'Ali (1983). Syakhsiyyah al-Muslim.Beirut: Dar al-Quran al-Karim

Al-Khaubari,Uthman bin Hassan, (1986). Durrah al-Nasihin Fi al-Wa'zi Wa al-Irsyad. Beirut: Dar al-Fikr:

Said Hawwa, (1986). al-Rasul. Beirut: Dar al-Salam.